

**MENGENAL TAHAP PENGETAHUAN USAHAWAN IKS TERHADAP
BANTUAN DAN SOKONGAN KEUSAHAWANAN ANJURAN AGENSI
SOKONGAN KERAJAAN DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

10DPM14F2009	DEZANI A/P KANASAN
10DPM14F2021	NUR ATIKAH IZZATI BINTI MOHD ZAIDI
10DPM14F2039	NUR ANIS NABIHAH BINTI ABDUL HADI
10DPM14F2045	NURUL SYAHIRAH BINTI MAROZI
10DPM14F2077	MOHD KHAIRULANUAR BIN MD ABDUL SHATAR
10DPM14F2091	MUHAMMAD ZULFAHMI BIN RAZMAN

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

KANDUNGAN**HALAMAN**

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii

BAB 1

1.1	Pendahuluan	2
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
	1.7.1 Kepentingan kepada Usahawan IKS	
	1.7.2 Kepentingan kepada Bakal Usahawan IKS	
	1.7.3 Kepentingan kepada Agensi Sokongan Kerajaan	
1.8	Definisi Operasi	11
1.9	Limitasi Kajian	14

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Faktor Bantuan Latihan Keusahawanan	16

2.3	Faktor Bantuan Pemasaran	17
2.4	Faktor Bantuan Kewangan	19
2.5	Rangka Kerja Kajian	21

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	22
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	24
3.3.1	Data Primer	
3.3.2	Data Sekunder	
3.4	Populasi dan Sampel	25
3.4.1	Populasi	
3.4.2	Sampel	
3.5	Instrumen Kajian	26
3.6	Kaedah Penganalisaan Data	27

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	28
4.2	Analisa Kebolehpercayaan Data	29
4.3	Dapatan Kajian	30
4.3.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	30
4.3.2	Mengkaji Faktor-faktor Dari Aspek Bantuan Latihan Keusahawanan, Bantuan Pemasaran Dan Bantuan Kewangan	40

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	47
5.2	Perbincangan	48

5.2.1	Perbincangan untuk mengetahui tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan latihan keusahawanan anjuran agensi sokongan kerajaan.	
5.2.2	Perbincangan untuk mengetahui tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan pemasaran anjuran agensi sokongan kerajaan.	
5.2.3	Perbincangan untuk mengetahui tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan kewangan anjuran agensi sokongan kerajaan.	
5.3	Implikasi Kajian	53
5.4	Cadangan	54
5.4.1	Usahawan IKS	
5.4.2	Bakal Usahawan IKS	
5.4.3	Agensi Sokongan Kerajaan	
5.4.4	Bakal Pengkaji	
5.5	Kesimpulan	56
LAMPIRAN		57
BIBLIOGRAFI		74

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “**Mengkaji Tahap Pengetahuan Usahawan IKS Terhadap Bantuan Dan Sokongan Keusahawanan Anjuran Agensi Sokongan Kerajaan Di Daerah Seberang Perai Tengah**” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang ditetapkan.

Disemak Oleh :

Nama Penyelia : PUAN NUR FARHANA ASYIKEEN BT ISHAK

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disemak Oleh :


Nama Pensyarah Kursus : PUAN NOR HATIZAL BINTI AMARUL SHAH

Tandatangan Pensyarah Kursrs :

Tarikh :

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1. Tandatangan : 
Nama : DEZANI A/P KANASAN
No. Pend : 10DPM14F2009
Tarikh : 6.4.2017
2. Tandatangan : 
Nama : NUR ATIKAH IZZATI BINTI MOHD ZAIDI
No. Pend : 10DPM14F2021
Tarikh : 6/4/2017
3. Tandatangan : 
Nama : NUR ANIS NABIHAH BINTI ABDUL HADI
No. Pend : 10DPM14F2039
Tarikh : 6/4/2017
4. Tandatangan : 
Nama : NURUL SYAHIRAH BINTI MAROZI
No. Pend : 10DPM14F2045
Tarikh : 6 APRIL 2017

5. Tandatangan



Nama : MOHD KHAIRULANUAR BIN MD ABDUL SHATAR

No. Pend : 10DPM14F2077

Tarikh : 6 APRIL 2017

6. Tandatangan



Nama : MUHAMMAD ZULFAHMI BIN RAZMAN

No. Pend : 10DPM14F2091

Tarikh : 6 APRIL 2017

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadirat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya serta hidayatNya kami telah berjaya menyiapkan kertas projek untuk modul DPB 6043 Business Project ini beserta dengan berkat kesabaran dan ketabahan hati, dugaan dan cabaran telah kami tempuhi dengan jayanya.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kertas projek ini terutamanya kepada pensyarah modul iaitu Puan Nor Hatizal Binti Amarul Shah dan penyelia modul kami yang banyak membantu dari segi fizikal dan mental dalam memberikan tunjuk ajar serta memantau kami dari semasa ke semasa iaitu Puan Nur Farhana Asyikeen Binti Ishak. Beliau juga banyak memberikan maklumat serta membantu kami dalam memberikan ilmu-ilmu baru yang berguna untuk kami menyiapkan projek ini.

Selain itu, jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas terutamanya rakan-rakan sekumpulan dalam menyumbangkan idea, memberikan kerjasama serta meluangkan masa dan tenaga dalam menyiapkan tugas ini. Jutaan terima kasih juga kami tujukan kepada semua usahawan-usahawan IKS di daerah Seberang Perai Tengah kerana memberikan kerjasama untuk projek kami ini.

Disamping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ibu bapa kami kerana sentiasa memberikan sokongan, dorongan serta galakan kepada kami. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu kami untuk menyiapkan projek ini. Sesungguhnya semua ini diselitkan dengan doa, sokongan dan kesabaran semua para pengkaji kerana tidak mungkin projek ini dapat disempurnakan dengan jayanya tanpa

usaha dan kesungguhan. Semoga ALLAH S.W.T memberikan rahmat dan keberkatan kepada semua pihak yang turut membantu kami dalam menyiapkan projek ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan sektor yang menjadi antara penyumbang kepada ekonomi serta pembangunan negara. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan dan sokongan keusahawanan anjuran agensi sokongan kerajaan di daerah Seberang Perai Tengah. Dalam kajian ini, tahap pengetahuan usahawan IKS diukur berdasarkan tiga aspek atau faktor iaitu faktor bantuan latihan keusahawanan, faktor bantuan pemasaran dan faktor bantuan kewangan. Bagi mencapai objektif yang dikemukakan dalam kajian ini, maklum balas telah dikumpul dari responden di daerah Seberang Perai Tengah. Sebanyak 100 orang responden telah dipilih secara tidak rawak dengan menggunakan persampelan 'judgemental' dimana pengkaji telah mengenal pasti ciri-ciri usahawan IKS dan hanya memilih usahawan IKS sahaja untuk menjawab soalan berkaitan dengan tajuk yang telah dibuat. Hasil dapatan kajian diproses menggunakan sistem SPSS (Statistical Package for Social Science). Dapatan kajian menyatakan bahawa tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan pemasaran yang ditawarkan oleh agensi sokongan kerajaan adalah tinggi berbanding pengetahuan mereka terhadap bantuan kewangan dan bantuan latihan keusahawanan. Faktor bantuan pemasaran mempunyai jumlah min purata tertinggi diikuti dengan faktor bantuan kewangan dan akhir sekali faktor bantuan latihan keusahawanan.

ABSTRACT

Small and Medium Enterprise (SME) sector is becoming one of the contributors to the economy and development of the country. This study is to investigate the level of knowledge of SMEs to help and support entrepreneurship organized by government support agencies in Seberang Perai Tengah. In this study, the level of knowledge of SMEs is measured based on three aspects, namely the factor or factors of entrepreneurial training assistance, marketing assistance and the financial support factor. To achieve the objectives set forth in the study, feedback was collected from respondents in Seberang Perai Tengah. A total of 100 respondents were chosen randomly by sampling 'judgmental' where researchers have identified the characteristics of SMEs and SMIs only just choose to answer questions related to the topics that have been made. The findings were processed using the SPSS (Statistical Package for Social Science). The findings indicated that the level of knowledge to help SMEs marketing support offered by government agencies is higher than their knowledge of the financial assistance and entrepreneurial training assistance. Factors marketing assistance has the highest average number min followed by a factor of financial aid and ultimately help the entrepreneurial training.

Bab 1

1.1 PENDAHULUAN

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. IKS juga merupakan salah satu sumber ekonomi negara. Ini kerana proses pembiayaan terhadap sektor IKS di negara kita tidak sukar berbanding negara-negara lain. Menurut Utusan Online (2010), Malaysia mengekalkan kedudukan teratas bagi tahun ketiga berturut-turut dalam laporan daya saing bank dunia dari segi akses pembiayaan untuk sektor IKS amat membanggakan.

Hal ini tercapai atas usaha kerajaan yang telah mewujudkan satu agensi kerajaan iaitu Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) yang berperanan untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (PKS) serta menyelaraskan pelaksanaan program pembangunan IKS yang dikendalikan oleh semua kementerian dan agensi yang berkaitan. Selain itu, SME Corp juga berfungsi sebagai pusat rujukan utama untuk penyelidikan dan penyebaran maklumat berkenaan IKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk IKS di Malaysia.

Seterusnya, dalam kajian ini kerajaan juga menyalurkan bantuan dan peluang kepada usahawan IKS melalui beberapa agensi sokongan kerajaan. Antara agensi sokongan kerajaan yang dipilih oleh pengkaji ialah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Tekun Nasional (TEKUN), SME Bank, Tabung Ekonomi Belia (TEB), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE), Penang Regional Development Authority (PERDA), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia terlibat dalam pelbagai industri. Ia juga mewakili sebahagian besar daripada jumlah perniagaan dalam pelbagai sektor dan memberi sumbangan yang besar dari segi KDNK (Salleh & Ndubisi, 2006). Terdapat beberapa aktiviti yang termasuk dalam pengklafikasian aktiviti ekonomi yang melibatkan PKS iaitu pertanian asas, perkilangan atau pembuatan (termasuk asas tani), perkhidmatan berkaitan perkilangan, perkhidmatan, perlombongan dan pengkuarian serta pembinaan (Bank Negara Malaysia, 2005). Ia bukan sahaja merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi Negara tetapi juga merupakan tapak untuk mengasah bakat keusahawanan yang dimiliki seseorang (Ab Aziz & Zakaria, 2010). Peranan PKS sering diperkatakan sebagai salah satu agen pembangunan ekonomi negara. PKS mampu meningkatkan pengeluaran negara, mewujudkan peluang pekerjaan, integrasi antara firma, menjana eksport serta mampu membantu dalam proses pengeluaran beberapa industri berskala sederhana mahupun besar (Nantahkumar et al. 2004). Justeru, kadar pertumbuhan yang pesat iaitu pada purata 8.4% setahun dalam tempoh masa 1989-1994 ternyata tidak akan tercapai tanpa sumbangan dan sokongan besar PKS (Moha Asri, 1998).

KELUARAN NEGARA	2003	2004	2005	2006
Pertanian, perhutanan dan perikanan	5.6	5.0	2.1	2.0
Perlombongan dan kuari	5.8	3.9	0.8	5.0
Perkilangan	8.4	9.8	4.9	7.0
Pembinaan	1.5	-1.5	-1.6	1.0
Perkhidmatan	4.5	6.8	6.5	6.0

Jadual 1.2 Malaysia- Penunjuk Ekonomi Utama

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Dalam dapatan kajian yang dilakukan, terdapat beberapa masalah atau isu yang diperkatakan di akhbar-akhbar. Antara masalah yang dihadapi oleh usahawan IKS adalah mereka sukar untuk mendapatkan pinjaman dan kurangnya penegetahuan mereka untuk mengembangkan perniagaan mereka. Agensi sokongan kerajaan ditubuhkan untuk membantu usahawan IKS kerana terdapat usahawan IKS yang berjaya di dalam perniagaan mereka namun mereka tidak tahu bagaimana cara untuk memohon bantuan serta bantuan apa yang ditawarkan kepada mereka. Oleh kerana kebanyakan usahawan IKS kurang mengetahui tentang bantuan dan peranan agensi sokongan kerajaan yang ditawarkan kepada mereka, kerana itu pengkaji mengkaji tahap pengetahuan usahawan IKS untuk mengenalpasti sama ada mereka mengetahui bahawa terdapat agensi-agensi sokongan kerajaan yang boleh membantu perniagaan mereka.

Berkaitan dengan isu usahawan IKS yang sukar mendapatkan pinjaman kewangan, ini dapat dilihat pada akhbar Utusan 2001. Usahawan IKS sering mendakwa mereka sukar mendapatkan pinjaman atau bantuan kerajaan yang disalurkan melalui bank-bank tempatan, namun pada masa yang sama bank-bank menafikan dakwaan tersebut dan menyatakan pinjaman ada disediakan untuk usahawan IKS. Oleh kerana kurangnya pengetahuan tentang bantuan kewangan yang ditawarkan oleh agensi sokongan kerajaan, maka usahawan IKS menganggap tidak ada bank yang menawarkan pinjaman kepada mereka. Pada akhbar Utusan 2014, terdapat bantuan sebanyak RM 1 bilion untuk usahawan PKS. Terdapat agensi seperti SME Bank, TEKUN yang terlibat dalam membantu usahawan IKS ini. Menurut akhbar Utusan Online 2014 pula, terdapat seorang usahawan IKS yang berjaya dan telah menerima pelbagai bantuan dari agensi sokongan kerajaan. Ini dapat disimpulkan dan dikatakan terdapat agensi sokongan kerajaan yang membantu usahawan-usahawan IKS dari segi kewangan namun mereka tidak mengetahui tentang bantuan dan agensi tersebut.

Selain itu, kurangnya pengetahuan usahawan-usahawan IKS tentang bantuan yang ditawarkan kepada mereka melalui agensi sokongan kerajaan. Agensi sokongan kerajaan ini dapat membantu usahawan IKS dari pelbagai aspek, di mana ianya dapat membantu dalam menambahkan ekonomi mereka serta mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi.

Pada akhbar Sinar Online 2015, terdapat usahawan IKS yang telah ditipu oleh sebuah syarikat koperasi. Hal ini berlaku kerana mereka terlalu mempercayakan syarikat tersebut kata usahawan IKS yang ditipu itu. Ini dapat dikaitkan dengan usahawan-usahawan IKS ini kurang mempunyai pengetahuan dalam ilmu perniagaan. Terdapat pelbagai karnival, ekspo serta pameran dan banyak lagi yang diadakan untuk membantu usahawan-usahawan IKS di Malaysia. Ini dapat dilihat pada akhbar Utusan Online 2016 di mana pengusaha kraf serta usahawan IKS digalakkan merebut peluang memperkenalkan produk mereka sempena penganjuran Karnival Kraf dan IKS di Labis. Selain dari itu, Pertubuhan Peladang Negeri bekerjasama dengan universiti bagi membantu usahawan IKS agar produk mereka bermutu serta mendapat peluang pemasaran yang meluas pada akhbar Sinar Online 2016.

Selain daripada agensi-agensi ini, terdapat juga bantuan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membantu usahawan IKS. Akhbar Utusan Online 2016, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mencipta mesin pembungkusan pes berpastur bertujuan membantu usahawan IKS dalam proses pembungkusan serta pempasturan produk mereka. Akhbar Sinar Online 2016 pula, penyelidik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) berjaya menghasilkan mesin pengupas bawang bagi membantu usahawan IKS kerana mereka mendapati masalah yang dihadapi oleh usahawan IKS adalah untuk mengupas bawang secara manual yang memakan masa. Menurut akhbar Berita Harian Online 2016 pula, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universitas Riau di Indonesia meningkatkan kerjasama serta berkongsi ilmu bagi membangunkan perusahaan industri kecil dan sederhana dengan tujuan memulihkan masalah pengangguran, meningkatkan kadar pertumbuhan pendapatan perkapita, pengagihan

pendapatan seimbang serta meningkatkan kestabilan ekonomi. Sehubungan itu, aktiviti perniagaan perusahaan industri kecil dan sederhana memerlukan perubahan supaya lebih berdaya saing terutama membabitkan pasaran, pembungkusan, penjenamaan, penyampaian dan khidmat pelanggan.

Justeru itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengetahui tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan yang ditawarkan oleh agensi sokongan kerajaan dari aspek bantuan latihan keusahawanan, bantuan pemasaran dan bantuan kewangan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan latihan keusahawanan anjuran agensi sokongan kerajaan.
2. Mengkaji tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan pemasaran anjuran agensi sokongan kerajaan.
3. Mengkaji tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan kewangan anjuran agensi sokongan kerajaan.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah usahawan IKS mengetahui tentang bantuan latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh agensi sokongan kerajaan?
2. Adakah usahawan IKS mengetahui tentang bantuan pemasaran yang dianjurkan oleh agensi sokongan kerajaan?
3. Adakah usahawan IKS mengetahui tentang bantuan kewangan yang dianjurkan oleh agensi sokongan kerajaan?

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengetahui tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan dan sokongan agensi kerajaan di mana agensi-agensi sokongan kerajaan ini dapat membantu usahawan-usahawan IKS untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka serta memberi pelbagai maklumat terkini yang mereka perlukan.

Lokasi atau skop sebagai kawasan kajian untuk melaksanakan tugas ini ialah

- Usahawan-usahawan IKS di daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Antara sebab-sebab pengkaji memilih lokasi berikut kerana merujuk kepada objektif kajian iaitu untuk mengkaji tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan dan sokongan keusahawanan anjuran agensi sokongan kerajaan di daerah Seberang Perai Tengah.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

1.7.1 Kepentingan Kepada Usahawan IKS

Melalui kajian yang dijalankan dengan mengedarkan soalan borang kaji selidik kepada usahawan IKS, usahawan IKS secara tidak langsung dapat mengetahui jenis-jenis bantuan keusahawanan yang disediakan oleh agensi-agensi sokongan kerajaan dalam membantu usahawan-usahawan IKS untuk mengembangkan perniagaan mereka.

1.7.2 Kepentingan Kepada Bakal Usahawan IKS

Kajian ini dapat membantu bakal usahawan IKS dalam mendapatkan maklumat terlebih dahulu mengenai bantuan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sokongan kerajaan sebelum memulakan perniagaan.

1.7.3 Kepentingan Kepada Agensi Sokongn Kerajaan

Dapatan kajian yang diperoleh bagi menilai tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan dan sokongan agensi kerajaan dapat membuka mata agensi-agensi sokongan kerajaan yang berkenaan terhadap tahap pengetahuan usahawan IKS itu sendiri mengenai bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh agensi sokongan kerajaan.

1.8 DEFINISI OPERASI

1) Bantuan Latihan Keusahawanan

Latihan ialah suatu kemahiran merancang program latihan dan pembangunan modal insan. Menurut Nossek (1982), latihan adalah proses untuk pengembangan penampilan olahraga yang kompleks dengan memakai isi latihan, kaedah latihan, tindakan organisasi yang sesuai dengan tujuan.

Menurut Bempa (1994), latihan adalah aktiviti olahraga yang sistematik dalam waktu yang lama, ditingkatkan secara progresif dan individual yang mengarah kepada ciri-ciri fungsi psikologis dan fisiologis manusia untuk mencapai sasaran yang ditentukan.

Sukadiyanto (2005) menerangkan bahawa pada prinsipnya latihan merupakan suatu proses perubahan ke arah yang lebih baik, iaitu untuk meningkatkan kualiti fisik kemampuan fungsional peralatan tubuh dan kualiti psikis anak latih.

Harsono (1988) menyatakan bahawa latihan juga boleh dikatakan sebagai sesuatu proses berlatih yang sistematis yang dilakukan secara berulang-ulang yang kian hari jumlah beban latihannya kian bertambah.

2) Bantuan Pemasaran

Pemasaran ialah suatu proses memasarkan atau mempromosikan atau mengiklankan sesuatu produk dengan tujuan untuk menarik minat pelanggan dan untuk meningkatkan jualan sesebuah organisasi. Terdapat empat campuran pasaran yang perlu dipertimbangkan sebelum membuat pemasaran. Pemasaran yang berkesan haruslah mengandungi "4Ps" iaitu harga (price), lokasi (place), produk (product) dan promosi (promotion).

Menurut Kotler (2000), pemasaran yang terlibat dalam memasarkan 10 jenis entiti iaitu barangan, perkhidmatan, pengalaman, peristiwa, orang, tempat, hartanah, organisasi, maklumat, dan idea. Barangan fizikal merupakan sebahagian besar daripada pengeluaran dan pemasaran. Perkhidmatan, seiring dengan kemajuan ekonomi yang semakin meningkat, aktiviti-aktiviti tertumpu pada pengeluaran perkhidmatan. Pengalaman, dengan mendalami beberapa perkhidmatan dan barangan, seseorang boleh mencipta dan mendapat pengalaman pasaran. Acara, pemasar boleh mempromosi acara-acara berasaskan masa. Orang, pemasaran selebriti telah menjadi satu perniagaan utama. Tempat-tempat, bandar, negeri, dan negara bersaing untuk menarik pelancong, kilang dan penduduk. Harta adalah hak yang tidak ketara pemilikan sama ada harta tanah atau harta kewangan. Organisasi aktif bekerja untuk membina imej yang baik dalam fikiran orang awam. Maklumat, pengeluaran, pembungkusan adalah salah satu industri utama masyarakat. Idea, setiap penawaran pasaran mempunyai idea asas pada terasnya. Pada dasarnya, produk dan perkhidmatan adalah platform untuk menyampaikan beberapa idea atau memberi manfaat untuk memenuhi keperluan teras.

Menurut Kotler, Armstrong, Saunders & Wong (1999), pemasaran mesti difahami bukan dalam erti kata yang lama membuat jualan, tetapi dalam erti kata baru untuk memuaskan keperluan pelanggan. Ramai orang berfikir pemasaran hanya sebagai jualan dan pengiklanan. Dan tidak hairanlah, setiap hari kita dihujani dengan iklan televisyen,

akhbar, iklan, mel terus dan panggilan jualan. Seseorang sentiasa cuba untuk menjual sesuatu.

Stone & Desmond (2007), menyatakan konsep pemasaran yang ditawarkan oleh 'British Chartered Institute of Marketing' (CIM) mendefinisikan pemasaran sebagai proses pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengenalpasti, menjangka dan memenuhi keperluan pelanggan. Ia berbeza dengan definisi Kotler di mana konsep pemasaran memerlukan orientasi pelanggan disokong oleh pemasaran bersepadu yang bertujuan untuk menjana kepuasan pelanggan dalam jangka masa panjang sebagai kunci untuk mencapai jumlah yang menguntungkan. (Kotler, 1972b: 54)

3) Bantuan Kewangan

Pengurusan kewangan adalah suatu proses yang melibatkan perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barangan (aset) dan perkhidmatan bagi memenuhi matlamat sesebuah organisasi. Ia termasuklah proses-proses yang melibatkan perancangan, pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar mengenai percukaian, perakaunan dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kemampuan pelajar untuk menguruskan kewangan bergantung kepada kebijaksanaan mereka membuat pelaburan. (Berita Harian, 2010)

1.9 LIMITASI KAJIAN

Dalam kajian ini, kaji selidik yang dijalankan adalah terbatas kerana kurangnya kerjasama yang baik dari pihak usahawan-usahawan IKS untuk memberikan maklumat serta membantu pengkaji menjawab borang soal selidik. Selain itu, mereka juga berasa teragak-agak untuk menanda jawapan kerana risau pengkaji mengetahui tentang perniagaan mereka. Bukan itu sahaja, skop kajian yang hanya ditumpu di sekitar daerah Seberang Perai Tengah juga merupakan limitasi yang dihadapi oleh pengkaji kerana sukar untuk mendapatkan responden bagi menjawab soalan kaji selidik.

Bab 2

SOROTON KAJIAN

2.1 PENDAHULUAN

Sorotan kajian merupakan teori-teori atau penulisan yang berkaitan dengan bidang kajian yang ingin dijalankan. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengetahuan usahawan IKS terhadap bantuan dan sokongan keusahawanan anjuran agensi sokongan kerajaan daerah Seberang Perai Tengah. Oleh itu, dengan adanya sorotan kajian ini dapat memperkukuhkan dan memperkuat lagi kajian yang dijalankan. Bab ini juga membincangkan aspek-aspek yang diambil kira dalam kajian ini antaranya ialah aspek latihan keusahawanan, aspek bantuan pemasaran dan aspek bantuan kewangan.

2.2 FAKTOR BANTUAN LATIHAN KEUSAHAWANAN

Menurut kajian pengkaji yang lepas Zoolhilmi (2013) dalam kajiannya terdapat kenyataan Shetty (2004) menyarankan agar penyelidikan keusahawanan harus difokuskan kepada tahap atau orientasi keusahawanan. Menurut Zaidatol Akmallah, Lope Pihie dan Habibah Elias, menyatakan usahawan mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sederhana di mana mereka memerlukan bantuan dan bimbingan yang optimum bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan masalah kewangan yang sederhana dapat ditangani jika mereka mendapat bimbingan sepenuhnya kerana peluang untuk Berjaya adalah tinggi. Seharusnya usahawan perlu mengambil perhatian yang lebih dalam ilmu keusahawanan. Oleh itu, inisiatif perlu diambil untuk melakukan perubahan yang lebih baik dari semua aspek untuk menceburi bidang keusahawanan bagi meningkatkan kekuatan dan kemantapan ekonomi supaya dapat meningkatkan pendapatan negara.

Usahawan-usahawan boleh mendapatkan latihan keusahawanan melalui agensi sokongan kerajaan. Program-program di bawah latihan keusahawanan meliputi kursus, latihan, seminar, bengkel bagi input pendedahan, pengetahuan dan kemahiran di tahap pembudayaan keusahawanan, pewujudan usahawan serta peningkatan dan pengukuhan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan dan PUSMA Negeri serta dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

2.3 FAKTOR BANTUAN PEMASARAN

Pemasaran merupakan salah satu kegiatan utama yang dilakukan dalam rangka mencapai tujuan iaitu mempertahankan kelangsungan hidup untuk berkembang. Pemasaran juga merupakan faktor penting dalam memenuhi kehendak pengguna. Untuk itu, kegiatan pemasaran harus dapat memberikan kepuasan kepada pengguna jika usahawan-usahawan IKS menginginkan perniagaanya mencapai kejayaan atau menginginkan pengguna mempunyai pandangan yang baik. Definisi pemasaran menurut William J. Stanton yang dikutip oleh Swastha dan Handoko (2000:4) pemasaran adalah suatu sistem keseluruhan dari kegiatan usaha yang ditujukan untuk merencanakan, menentukan harga, mempromosikan, dan mendistribusikan barangan dan perkhidmatan yang dapat memuaskan hati pembeli.

Menurut Sexton dan Bowman-Upton (1991) keusahawanan adalah proses untuk mengenalpasti peluang dalam pasaran, menyusun sumber-sumber untuk mencapai objektif dan tindakan seterusnya mengeksploitasi keperluan sumber-sumber bagi kepentingan peribadi dalam tempoh jangka masa panjang. Ini bermaksud usahawan perlu mempraktikkan pengurusan yang strategic dalam perniagaan untuk mencapai kejayaan dan keuntungan tinggi

Pengertian pemasaran menurut Kotler (2000: 19) adalah proses sosial dan pengurusan dimana individu dan kelompok mendapatkan keinginan mereka dan menciptakan, menawarkan, dan menukarkan produk yang bernilai satu sama lain. Berdasarkan definisi diatas dapat disimpulkan bahawa pemasaran mempunyai erti yang lebih luas daripada penjualan, pemasaran merangkumi usaha perniagaan yang ditandai dengan mengidentifikasi keinginan pengguna yang perlu dicapai untuk kepuasan, menentukan harga produk yang sesuai, menentukan cara promosi dan penjualan produk tersebut. Jadi, pemasaran juga merupakan kegiatan saling berhubungan sebagai suatu system untuk

menghasilkan keuntungan. Pemasaran merupakan hal yang sangat penting bagi keberhasilan suatu perniagaan. Terdapat falsafah dalam pemasaran yang tersebut sebagai konsep pemasaran. Menurut Basu Swastha dan Handoko (200: 6) mendefinisikan konsep pemasaran sebagai konsep dimana pemasaran adalah sebuah falsafah perniagaan yang menyatakan bahawa kepuasan pengguna merupakan syarat ekonomi dan sosial bagi kejayaan hidup sesebuah perniagaan.

Bantuan pemasaran merupakan suatu bantuan yang disediakan oleh agensi sokongan kerajaan kepada para usahawan yang ingin atau yang telah menjalankan perniagaan. Menurut Timbalan Menteri, Ahmad Maslan (2011) "Think Big Start Small" dengan merangka pelbagai strategi pemasaran, ia menyatakan bahawa usahawan IKS perlulah bermula dari bawah sehinggalah Berjaya dengan mempunyai pelbagai strategi pemasaran.

2.4 FAKTOR BANTUAN KEWANGAN

Bantuan kewangan ialah faktor kedua yang dikaji dalam kajian ini. Bantuan kewangan ini bermaksud bantuan kewangan yang diwujudkan oleh kerajaan yang mempunyai beberapa objektif tertentu iaitu untuk pembangunan teknologi, meningkatkan kemahiran sumber manusia, pembangunan usahawan, pemasaran dan promosi, pembangunan produk dan pentauliahan mutu, dan secara am (Sme Info, 2008). Pada dasarnya dana kerajaan untuk IKS kebanyakannya adalah untuk tujuan pemupukan dan pembangunan.

Selain itu, kajian yang dijalankan Sarder, J.H, Ghosh, D., & Rosa, P. (1997) menunjukkan bahawa bantuan yang diberikan oleh kerajaan amat penting dalam membantu kejayaan perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana. Antara bentuk-bentuk bantuan dari aspek kewangan termasuklah pinjaman, tabung-tabung khas, geran, pembiayaan ekuiti, modal usaha niaga, skim jaminan, insentif cukai dan sebagainya. Bantuan ini ditawarkan oleh agensi sokongan kerajaan kepada usahawan IKS.

Antara agensi sokongan kerajaan yang menyediakan Bantuan kewangan untuk usahawan IKS ialah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Tekun Nasional (TEKUN), SME Bank, Tabung Ekonomi Belia (TEB), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE), SME Corporation Malaysia (SME CORP), Penang Regional Development Authority (PERDA), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

Pelbagai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh para usahawan IKS yang menghalang mereka bergerak maju ialah dari segi kewangan kerana modal yang diberikan tidak semestinya mencukupi untuk terus bergerak maju. Menurut petikan dari Utusan Malaysia

(2009), IKS berpotensi tinggi untuk terus maju namun mereka kurang mendapat maklumat tentang sumber-sumber atau perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh agensi sokongan kerajaan untuk mereka memulakan perniagaan atau untuk terus maju dalam perniagaan.